

P.U.(A) 306/2017

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (FI) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 378(2)(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) (Pindaan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Oktober 2017.

Pindaan peraturan 9

2. Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “melibatkan” perkataan “penilaian pakar dan”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “cadangan yang melibatkan” dengan perkataan “cadangan yang disebut dalam seksyen 212 Akta yang melibatkan penilaian pakar dan”.

Pindaan Jadual 1

3. Jadual 1 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kajian semula” di mana-mana jua terdapat perkataan “penilaian pakar dan”.

Pindaan Jadual 5

4. Jadual 5 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kajian semula” di mana-mana jua terdapat perkataan “penilaian pakar dan”.

Pindaan Jadual 8

5. Jadual 8 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam tajuk, dengan memasukkan selepas perkataan “BERKENAAN DENGAN” perkataan “KAJIAN SEMULA PENILAIAN PAKAR DAN”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas butiran 1 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Fi</i>
“1A.	Kajian semula laporan orang yang berwibawa yang berhubungan dengan sumber mineral, minyak dan gas.	RM50,000.00 setiap laporan tertakluk kepada amaun maksimum sebanyak RM100,000.00”

Pindaan Jadual 10

6. Jadual 10 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kajian semula” di mana-mana jua terdapat perkataan “penilaian pakar dan”.

Dibuat 29 September 2017

[SC/GC(R&R)CMS (Fees)Regs(MOG)1.2017(048)-1;PN(PU2)662/XIII]

TAN SRI DATO' SERI RANJIT AJIT SINGH

Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Diluluskan 9 Oktober 2017

[KK/SID/P/(S)/483/669/4 Jld.2 (SK.8); PN(PU2)662/XIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua